21. When by virtue of an order made under section 11(1) a customs duty is fixed on any goods which previously were not dutiable goods or any customs duty on goods is abolished or when the importation or exportation of any goods is prohibited or any such prohibition is abolished by an order made under section 31 and it becomes necessary for the purpose of this Act to determine the time at which an importation or exportation of any goods made and completed shall be deemed to have had effect, such importation or exportation shall, notwithstanding anything in this Act contained, be deemed to be the time at which the goods are released by the proper officer of customs."

Pindaan
seksyen 24.

40. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "airport" perkataan "and such goods may be cleared at an inland clearance depot or an inland customs station".

Pindaan
seksyen 29.

41. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "airport" perkataan "and such goods may be cleared at an inland clearance depot or an inland customs station".

Pindaan
seksyen 35.

42. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam perenggan (a) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah dan memasukkan perkataan "or" selepas itu; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(c) if they have been cleared by a proper officer of customs at an inland clearance depot or at an inland customs station on their route out of Malaysia through a customs port or airport."

43. Proviso kepada subseksyen 66(1) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 66.

(a) dalam perenggan (b) dengan memasukkan sebelum perkataan "inland customs station" di mana-mana jua terdapat perkataan "inland clearance depot or"; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) where the bill of lading, airway bill, invoice or other document covering any such goods landed at a customs port or airport shows them to be consigned to a person at an inland clearance depot or at an inland customs station, such goods may be forwarded by rail or road to an inland clearance depot or to an inland customs station, and such goods shall be deemed for the purposes of this Part, and Part IX, to have first arrived on reaching such inland clearance depot or inland customs station;"

44. Subseksyen 80(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a), (b), (c) dan (d) dengan perenggan yang berikut:

Pindaan seksyen 80.

"(a) at an inland clearance depot or at an inland customs station or at a customs port where goods are loaded if export is by sea;

- (b) at an inland clearance depot or at an inland customs station where goods are loaded or at the place of export if export is by rail;
- (c) at the place of export if export is by road, but the Director General may allow the declaration to be made to a proper officer of customs at an inland clearance depot or at an inland customs station if such export by road is on their route to a customs port or airport or any other place approved by him;
- (d) at an inland clearance depot or at an inland customs station or at a customs airport where goods are loaded if export is by air."

Seksyen
baru 87A.

45. Akta ini adalah dipinda di bawah tajuk "Non-dutiable goods" dengan memasukkan selepas seksyen 87 seksyen yang berikut:

Provisional
declaration
of exported
goods. 87A. (1) Notwithstanding sections 80(1), 84, 85, 86 and 87, the Director General may allow any document approved by him to be used as a provisional declaration, in lieu of the prescribed form, for goods if—

- (a) such goods are to be exported by air, sea, rail or in any other manner approved by the Director General;
- (b) unnecessary delay will be occasioned in preparing the prescribed form;
- (c) such goods are not subject to a drawback claim under sections 93 and 99;
- (d) such goods are not prohibited from export; and
- (e) the exporter of such goods makes personally or by his agent to a proper officer of customs at the place of export where the provisional declaration was approved, a declaration substantially

in the prescribed form within 7 days after the release of such goods.

(2) The provisional declaration referred to in subsection (1) shall give a full and true account of the number, description and quantity, weight or measure, value and destination of such goods.

(3) Paragraphs (a), (b), (c) and (d) of subsection (2) of section 80 shall also be applicable to a provisional declaration under this section in relation to places where such provisional declaration may be made."

46. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 91 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 91A.

Licensed earner.

91A. (1) The Director General may grant a licence to any person to act as a licensed carrier subject to such terms and conditions as he may deem fit to impose and may suspend or withdraw such licence.

(2) In granting a licence under subsection (1), the Director General may require such security to be furnished as he may consider adequate to cover the customs duty payable on the goods moved and for the faithful and incorrupt conduct of such licensed carrier and of his agents and employees acting for him both as regards the customs and his employers."

47. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 100 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 100A.

Records of imported goods.

100A. (1) Every person who has possession of documents and records pertaining to valuation of goods imported shall preserve for a period of six years following the importation of the goods all records that relate to the purchase of, importation of, cost of, value of, payment for and disposal of the goods.

(2) Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and—

(a) where the value of the goods can be ascertained, shall be liable to a fine of not less than two times and not more than ten times the value of the goods; or

(b) where the value of the goods cannot be ascertained, shall be liable to a fine of not less than one hundred thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit."

Pindaan
seksyen 115

48. Perenggan 115(1)(b) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subperenggan (i) dengan subperenggan yang berikut:

"(i) for property other than dutiable or uncustomed goods, its open market value, and for dutiable or uncustomed goods, their value, on the date on which the property or goods are so returned;"

Seksyen
baru 125A.

49. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 125 seksyen yang berikut:

Confiden-
tiality of
informa-
tion.

125A. (1) Any information relating to valuation is confidential and any proper officer of customs or any person who in the ordinary course of his duties come into possession of or has control of or access to such information shall not—

(a) communicate such information; or

(b) suffer or permit any person to have access to such information.

(2) Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence.

(3) Notwithstanding subsection (1), it shall not be an offence—

(a) as regards information relating to the valuation of imported goods, if disclosure is made—

(i) on the order of a court; or

(ii) after written consent has been obtained from the person or government giving such information; and

(b) as regards information relating to the valuation of exported goods, if the Director General deems it expedient or necessary to allow disclosure of certain information to such person as he thinks fit."

50. Subseksyen 133(1) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 133.

(a) dalam perenggan (e) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan (f) dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah dan memasukkan perkataan "or" selepas itu; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

"(g) being so required under section 87A fails to make a declaration in the prescribed form, within the stipulated period thereunder, of goods exported,".

51. Seksyen 142 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (35A) perenggan yang berikut:

Pindaan
seksyen 142.

"(35e) to determine the customs value of imported goods;".

52. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 143 seksyen yang berikut:

Appeal on valuation of imported goods. 143A. (1) Notwithstanding section 143, any person aggrieved by a decision of the Director General on the valuation of imported goods may appeal therefrom to the court.

(2) On an appeal under subsection (1), the court may—

- (i) dismiss the appeal;
- (ii) substitute for the amount decided upon by the Director General another amount; or
- (iii) make such other decision as the court deems fit."

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA ZON BEBAS 1990

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990.

53. Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998.

Pindaan seksyen 2 Akta 438.

54. Akta Zon Bebas 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan menggantikan takrif "nilai" berkaitan dengan barang-barang yang diimport dengan takrif yang berikut:

' "nilai" berkaitan dengan barang-barang yang diimport mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967;'

Akta 235.

Pindaan seksyen 27.

55. Perenggan 27(1)(b) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subperenggan (i) dengan subperenggan yang berikut:

- "(i) bagi harta selain barang-barang berduti atau tak berkastam, nilai pasaran terbukanya, dan bagi barang-barang berduti atau tak berkastam, nilainya, pada tarikh harta atau barang-barang itu dipulangkan;"

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah disebut sebagai "Akta" dalam Bab ini.

2. *Fasal 4* bertujuan memotong seksyen 3c Akta. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

3. *Fasal 5* bertujuan memasukkan subseksyen baru 6A(3A) yang memperuntukkan bahawa rebat sebanyak empat ratus ringgit diberikan kepada individu pemastautin berkenaan dengan pembelian komputer peribadi. Rebate itu akan diberikan sekali dalam tempoh lima tahun. Subseksyen itu selanjutnya memperuntukkan bahawa tiada rebat kena diberikan jika komputer peribadi itu telah digunakan bagi maksud perniagaannya atau jika rebat telah diberikan kepada isteri atau suami. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

4. *Fasal 6* bertujuan memasukkan seksyen baru 6c, Individu yang telah membayar levi bagi pengeluaran Pas Pekerjaan, Pas Lawatan (Pekerjaan Sementara) atau Pas Kerja menurut mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta Fee 1951 adalah layak untuk menuntut levi itu sebagai rebat di bawah seksyen ini. Walau bagaimanapun, jika rebat itu melebihi cukai pendapatan yang dikenakan, lebihan tidak akan dikembalikan kepada individu itu atau boleh digunakan sebagai kredit bagi tolakan tanggungan cukainya bagi tahun taksiran yang berikutnya. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

5. *Fasal 9* bertujuan meminda perenggan 34(4)(a) untuk meningkatkan sumbangan maksimum yang boleh dipotong kepada skim yang diluluskan oleh majikan berkenaan dengan saraan pekerja daripada 17 peratus kepada 19 peratus. *Fasal* ini juga bertujuan meminda subseksyen 34(6) dengan memasukkan perenggan baru (k) untuk membenarkan potongan perbelanjaan yang dilakukan untuk menganjurkan apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Amaun yang boleh dipotong adalah terhad kepada RM200,000. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

6. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 39 Akta. Pindaan ini bertujuan memasukkan perenggan baru 39(1)(h) untuk memperuntukkan bahawa potongan berkenaan dengan bayaran bonus

kepada pekerja adalah terhad kepada dua per dua belas daripada upah atau gaji yang dibayar kepada pekerja itu. Pindaan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 17 Oktober 1997.

7. *Fasal II* bertujuan meminda seksyen 44 Akta. Subseksyen 44(6A) adalah dipinda untuk memasukkan apa-apa hadiah lukisan sebagai potongan daripada pendapatan agregat seseorang. Amaun yang akan dipotong adalah bersamaan dengan nilai lukisan yang akan ditentukan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara.

Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen baru 44(9), 44(10) dan 44(11) untuk memperuntukkan potongan yang berikut:

- (a) derma wang tunai atau sumbangan manfaat (nilai yang diberikan akan ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan) yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang tak berupaya;
- (b) derma wang tunai atau hadiah peralatan perubatan yang diberikan oleh individu kepada mana-mana kemudahan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan yang amaunnya tidak melebihi RM20.000; dan
- (c) hadiah lukisan yang diberikan oleh seseorang kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri.

Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

8. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 48 Akta. Subseksyen 48(3) adalah dipinda untuk memperuntukkan bahawa dari 17 Oktober 1997 hanya potongan biasa akan dibenarkan berkenaan dengan anak yang menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia.

9. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 60 Akta. Pindaan bertujuan memasukkan subseksyen 60(5c) dan 60(6c) untuk memperuntukkan pengenaan cukai yang berasingkan ke atas pendapatan perniagaan insurans semula hayat dan pendapatan perniagaan insurans semula hayat alir masuk. Pada amnya, pindaan memperuntukkan bahawa pendapatan laranan penanggung insurans pemastautin atau bukan pemastautin bagi perniagaan insurans semula hayat dan perniagaan insurans semula hayat alir masuk hendaklah ditentukan mengikut cara yang sama dengan perniagaan insurans am. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998-

10. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 91 Akta untuk memperuntukkan bahawa taksiran dan taksiran tambahan akan dibangkitkan dalam tempoh enam tahun dan bukan lagi dua belas tahun. Pindaan ini hendaklah mula berkuatkuasa dari 1 Januari 1999.

11. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 108 Akta. Subseksyen 108(2E) dimasukkan untuk mengadakan peruntukan bagi dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1997 serta juga

dividen yang dibayar oleh syarikat bagi maksud subseksyen 108(4); cukai yang dipotong daripada dividen itu akan dianggap seolah-olah telah dipotong pada kadar dua puluh lapan peratus. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

12. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 110 Akta. Pindaan kepada subseksyen 110(1) adalah untuk memperuntukkan bahawa kenaikan dalam amaun yang disebut dalam subseksyen 109(2) dan 109e(2) tidak akan diambil kira bagi maksud tolakan.

Subseksyen 110(1E) dimasukkan untuk mengadakan peruntukan bagi dividen yang telah diterima oleh pemegang syer dalam tahun 1997; cukai yang dipotong daripada dividen itu akan dianggap seolah-olah ia telah dipotong pada kadar dua puluh lapan peratus.

Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

13. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 120 Akta. Pindaan memperuntukkan bahawa kegagalan majikan untuk mematuhi arahan yang diberikan di bawah subseksyen 83(5) adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 120. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tarikh Akta ini mula berkuatkuasa.

14. *Fasal 19* bertujuan meminda perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai bagi syarikat, badan amanah, pentadbir (dalam hal si mati yang berdomisil di luar Malaysia semasa kematiannya) dan penerima, dikurangkan daripada tiga puluh kepada dua puluh lapan peratus. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

15. *Fasal 20* bertujuan meminda perenggan 37c Jadual 3 kepada Akta untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan bangunan yang digunakan untuk menyimpan barang-barang untuk eksport atau menyimpan barang-barang yang diimport yang akan diproses dan diedarkan atau dieksport semula adalah layak untuk Elaun Bangunan Industri pada kadar 10 peratus.

Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

16. *Fasal 21* bertujuan meminda Jadual 7A kepada Akta. Perenggan 1 adalah dipinda untuk memasukkan syarat tambahan bagi syarikat pemastautin yang menuntut elaun pelaburan semula, iaitu syarikat tersebut telah beroperasi tidak kurang daripada dua belas bulan dan telah menunjukkan peningkatan dalam produktiviti. Perenggan 1A adalah juga dipinda untuk memperuntukkan bahawa syarikat itu mestilah beroperasi tidak kurang daripada dua belas bulan untuk melayakkan syarikat itu mendapat elaun yang sama.

Perenggan 2 digantikan dengan perenggan yang baru untuk memperuntukkan bahawa tuntutan untuk elaun pelaburan semula hendaklah dibenarkan bagi lima tahun berturut-turut bermula dari tahun taksiran elaun itu pertama kali diberikan.

Perenggan 2A dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa elaun pelaburan semula yang telah diberikan kepada syarikat hendaklah ditarik balik jika aset yang baginya elaun itu diberikan telah dilupuskan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pemerolehan aset itu.

Perenggan 3 adalah dipinda untuk membenarkan syarikat yang telah mencapai tahap produktiviti sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri menikmati elaun pelaburan semula tanpa sebarang sekatan.

Perenggan 8(a) adalah dipinda untuk memasukkan "automasi" dalam takrif projek yang layak sebagai tambahan kepada pengembangan, pemodenan atau mempelbagaian perniagaannya yang sedia ada, sesuatu syarikat boleh mengautomatikkan proses pengeluarannya untuk melayakkannya mendapat elaun pelaburan semula.

Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998 (kecuali perenggan 2A yang akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1999).

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 adalah disebut sebagai "Akta" dalam Bab ini.

17. *Fasal 23* bertujuan meminda perenggan I6(3)(a) Akta untuk meningkatkan sumbangan inaksimum yang boleh dipotong kepada skim yang diluluskan oleh majikan berkenaan dengan gaji pekerja daripada 17 peratus kepada 19 peratus. *Fasal* ini juga bertujuan memasukkan subseksyen (7E) untuk membenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan untuk menganjurkan apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1998.

18. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 18 Akta. Pindaan ini bertujuan memasukkan perenggan baru 18(1)(l) untuk memperuntukkan bahawa potongan berkenaan dengan bayaran bonus kepada pekerja adalah terhad kepada dua per dua belas daripada upah atau gaji yang dibayar kepada pekerja itu. Pindaan ini hendaklah disifatkan telah berkuatkuasa dari 17 Oktober 1997.

19. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 22 Akta. Subseksyen (!A) adalah dipinda untuk memasukkan apa-apa hadiah lukisan sebagai potongan daripada pendapatan boleh cukai orang yang boleh dikenakan cukai. Amaun yang akan dipotong adalah amaun yang bersamaan dengan nilai lukisan itu yang akan ditentukan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara.

Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen baru 22(1B) , 22(1c) dan 22(1o) untuk memperuntukkan potongan yang berikut:

- (a) derma wang tunai atau sumbangan manfaat (nilai yang diberikan akan ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan) yang diberikan oleh orang yang boleh dikenakan cukai untuk menyediakan kemudahan di tempat awam bagi manfaat orang tak berupaya;
- (b) derma wang tunai atau hadiah peralatan perubatan yang diberikan oleh orang yang boleh dikenakan cukai kepada kemudahan rawatan kesihatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan yang amaunnya tidak melebihi RM200,000; dan
- (c) hadiah lukisan yang diberikan oleh orang yang boleh dikenakan cukai kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri.

Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

20. *Fasal 26* bertujuan meminda subseksyen 23(1) Akta untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai dikurangkan daripada empat puluh kepada tiga puluh lapan peratus. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

21. *Fasal 27* bertujuan meminda seksyen 39 Akta untuk memperuntukkan bahawa taksiran dan taksiran tambahan akan dibangkitkan dalam tempoh enam tahun dan bukan lagi dua belas tahun. Pindaan ini akan mula berkuatkuasa dari 1 Januari 1999.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 adalah disebut sebagai "Akta" dalam Bab ini.

22. *Fasal 30* bertujuan meminda seksyen 15 Akta untuk memperuntukkan bahawa taksiran dan taksiran tambahan akan dibangkitkan dalam tempoh enam tahun dan bukan lagi dua belas tahun. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari 1 Januari 1999.

23. *Fasal 31* bertujuan meminda subperenggan 34A(3) Jadual 2 kepada Akta supaya formula yang digunakan untuk menentukan harga pemerolehan akan sekarang terpakai hanya dalam keadaan

jika aset yang boleh dikenakan cukai disifatkan telah diperolehi pada tarikh syarikat menjadi syarikat harta tanah. Dengan pindaan ini, harga pemerolehan saham syarikat harta tanah adalah harga sebenar pemerolehan. Oleh itu harga pemerolehan saham bonus adalah menjadi stfar. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari 17 Oktober 1997.

24. *Fasal 32* bertujuan meminda Bahagian III Jadual 5 kepada Akta dengan menukar kadar cukai yang terpakai bagi pelupus yang bukan warganegara dan pemastautin tetap. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari 17 Oktober 1997.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Akta Setem 1949 adalah disebut sebagai "Akta" dalam Bab ini.

25. *Fasal 34* bertujuan meminda subseksyen 55(2) Akta untuk memperuntukkan kenaikan dalam fee adjudikasi daripada RM1.00 kepada RM10.00. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari 1 Januari 1998.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

Akta Cukai Jualan 1972 adalah disebut sebagai "Akta" dalam Bab ini.

26. *Fasal 36* bertujuan meminda seksyen 14 Akta untuk membolehkan pengilang barang-barang kena cukai yang mempunyai nilai Jualan tahunan kurang daripada RM 100,000 mempunyai pilihan sama ada hendak dilesenkan di bawah Akta supaya bahan mentah dan komponennya bebas daripada cukai Jualan. Kemudahan ini adalah sama seperti kemudahan yang diberikan kepada pelesen yang mempunyai nilai jualan tahunan melebihi RM100,000. Pengilang yang membuat pilihan ini akan dikenakan cukai jualan atas barang-barang yang dihasilkan.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

Akta Kastam 1967 adalah disebut sebagai "Akta" dalam Bab ini.

27. *Fasal 37* adalah berhubungan dengan tarikh mula berkuatkuasa yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Bab ini. Pindaan yang berkenaan dengan pematuhan dengan kaedah penilaian baru oleh Malaysia bagi barang-barang yang diimport sebagai Negara anggota Perjanjian Marrakesh Menubuhkan "The World Trade

Organisation" ("Perjanjian WTO") akan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998. Pindaan-pindaan lain akan disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 17 Oktober 1997.

28. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta untuk mengadakan takrif bagi "export by air", "import by air" dan "licensed carrier". Ia juga bertujuan menggantikan takrif "value" berhubungan dengan barang-barang yang diimport untuk menyelaraskannya dengan kaedah penilaian baru terhadap barang-barang yang diimport sebagaimana yang telah dipersetujui di bawah Perjanjian WTO.

29. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta untuk menetapkan bahawa masa pengimportan dan pengeksportan yang padanya cukai dikenakan atau dihapuskan ialah masa pelepasan oleh pegawai kastam yang hak.

30. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelepasan barang-barang di depot pelepasan pedalaman atau di stesen kastam pedalaman sebagai suatu alternatif bagi pelepasan barang-barang apabila barang-barang itu diimport melalui udara dan didaratkan di lapangan terbang kastam.

31. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelepasan barang-barang di depot pelepasan pedalaman atau di stesen kastam pedalaman sebagai suatu alternatif bagi pelepasan barang-barang apabila barang-barang hendak dieksporikan melalui udara.

32. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda seksyen 35 Akta untuk memperluas anggapan tentang eksport supaya meliputi barang-barang yang dilepaskan di depot pelepasan pedalaman atau di stesen kastam pedalaman apabila barang-barang itu hendak diekspor melalui pelabuhan atau lapangan terbang kastam.

33. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda proviso kepada subseksyen 66(1) Akta untuk membenarkan pergerakan barang-barang dari pelabuhan atau lapangan terbang kastam ke stesen kastam pedalaman atau depot pelepasan pedalaman melalui keretapi atau jalan apabila dikonsainkan kepada seseorang di stesen kastam pedalaman atau depot pelepasan pedalaman itu sebagaimana yang dinyatakan dalam bil muatan, bil laluan udara, invois atau dokumen lain.

34. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda subseksyen 80(2) Akta untuk membenarkan barang-barang yang dikenakan duti yang hendak diekspor dilepaskan di tempat yang ditentukan dalam perenggan (a) hingga (d) subseksyen itu bergantung kepada kaedah yang digunakan bagi pengeksportan barang-barang itu.

35. *Fasal 45* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 87A ke dalam Akta untuk membenarkan perisytiharan barang-barang yang hendak diekspor melalui udara, laut, keretapi atau apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dibuat melalui perisytiharan sementara yang boleh dibuat di tempat yang ditentukan yang serupa dengan tempat yang dinyatakan dalam perenggan baru (a) hingga (d) dalam subseksyen 80(2).

36. *Fasal 46* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 91A ke dalam Akta untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk memberikan lesen kepada mana-mana orang untuk menjadi pengangkut.

37. *Fasal 47* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 100A ke dalam Akta yang menghendaki penyimpanan selama enam tahun rekod berkaitan dengan penilaian barang-barang yang diimport, untuk tujuan pengauditan selepas import sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perjanjian WTO.

38. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda subperenggan 115(1)(b)(i) Akta untuk membezakan kaedah-kaedah penilaian yang digunakan dalam kes apabila harta alih telah disita dan hendak dipulangkan atau dilupuskan.

39. *Fasal 49* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 125A ke dalam Akta bagi mengadakan peruntukan tentang perlindungan maklumat yang dikemukakan kepada Jabatan Kastam sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perjanjian WTO.

40. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda seksyen 133 Akta dengan menambahkan perenggan baru (g) kepada seksyen itu untuk menjadikan apa-apa pelanggaran seksyen 87A baru Akta sebagai suatu kesalahan.

41. *Fasal 51* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (35B) kepada seksyen 142 Akta untuk membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan bagi menentukan nilai kastam bagi barang-barang yang diimport untuk mematuhi Perjanjian WTO.

42. *Fasal 52* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 143A ke dalam Akta untuk memberikan hak rayuan ke mahkamah kepada pihak yang terkilang dengan keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah terhadap penilaian barang-barang yang diimport sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perjanjian WTO.

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA ZON BEBAS 1990

Akta Zon Bebas 1990 adalah disebut sebagai "Akta" dalam Bab ini.

43. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta dengan menggantikan takrif "nilai" berkaitan dengan barang-barang yang

diimport untuk menyelaraskan dengan kaedah penilaian baru terhadap barang-barang yang diimport sebagaimana yang telah dipersetujui di bawah Perjanjian Marrakesh Menubuhkan "The World Trade Organisation".

44. *Fasal 55* bertujuan untuk meminda subperenggan 21(1)(b)(i) Akta untuk membezakan kaedah-kaedah penilaian yang digunakan dalam kes apabila harta alih telah disita dan hendak dipulangkan atau dilupuskan.

AM

45. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini adalah pindaan-pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 2040.]